

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]

**TARIKH :** 27.10.2014

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan kejadian soalan bocor pada kertas peperiksaan utama di Malaysia kerap kali kedengaran. Terkini ialah apa yang berlaku kepada kertas mata pelajaran Sains, Bahasa Inggeris 1 & 2 untuk peperiksaan UPSR. Pada pandangan Kementerian, di manakah sebenarnya kelompongan pada sistem penyediaan dan pengagihan soalan sehingga ia boleh diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk membocorkannya dan apakah mekanisme yang dibentuk bagi menjamin perkara sama tidak akan berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan yakin akan dapat merungkai segala persoalan yang ditimbulkan termasuk bagaimana dan punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada.

Bagi menangani perkara tersebut daripada berulang, KPM telah mengambil langkah drastik dan serta-merta, antaranya :

1. Penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;
2. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;
3. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;
4. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambahan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;

5. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan
6. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusian **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini daripada berulang.